

BAHASA MELAYU PEMAHAMAN TAHUN 6

1. KATA NAMA AM

KETERANGAN:

Kata Nama Am ialah kata yang menamakan manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda, tempat dan sebagainya secara am atau umum

Kata Nama Am boleh terbina daripada kata dasar atau pun kata terbitan.

Kata nama dasar ialah kata nama yang tidak mengalami proses pengimbuhan.

Kata nama terbitan ialah kata nama yang terhasil akibat proses pengimbuhan pada sesuatu kata dasar.


LATIHAN 1 : KATA NAMA AM

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

- _____ yang terletak di hujung kampung mengeluarkan hasil yang lumayan.
A Kebun C Buah
B Pokok D Tumbuhan
- Mak Lijah mengikat sebilah _____ pada galah itu untuk mengait jantung pisang.
A tajak C parang
B gunting D pisau
- Kerja sebagai seorang anggota _____ adalah untuk menangkap dan membawa penjenayah ke muka pengadilan.
A tentera C rela
B polis D kastam
- _____ handalan itu telah memecahkan rekod acara 100 meter yang bertahan selama lima tahun.
A Orang C Atlet
B Pasukan D pemain
- Kawasan itu akan dimajukan sebagai kawasan _____ yang baharu tidak lama lagi.
A perumah C perumahan
B rumah D berumah

6. Seorang _____ ternama sedang bermain golf sambil berbincang urusan jual beli dengan rakan-rakannya.
- A pekerja
B peniaga
C pegawai
D usahawan
7. Bapa saya pernah menjadi _____ sekolah di kampung ini.
- A ketuaan
B ketua
C mengetua
D pengetua
8. Banyak _____ gemar melawat tempat-tempat menarik di negara ini.
- A pelancung
B pendatang
C pelancong
D pelawat
9. Para pelajar sedang sibuk menghias _____ sekolah kerana majlis anugerah kecemerlangan akan diadakan lusa.
- A taman
B dewan
C kantin
D kedai
10. Pada zaman dahulu, banyak _____ datang ke Melaka untuk urusan perniagaan.
- A pengurus
B penjaja
C penjual
D pedagang
11. _____ yang dibonceng oleh abang tersadai di tepi jalan kerana kerosakan enjin.
- A Bas
B Kereta
C Basikal
D Motosikal

Soalan 12 berdasarkan gambar 1



Gambar 1

12. Kakak mencuba _____ yang baru dibeli oleh ibu.
- A subang
B gelang
C kerongsang
D cincin

13. Pemuda buta itu pandai mengayam _____ daripada buluh.
- A tikan
B bakul
C kotak
D bekas
14. Abang baru membeli sebuah _____ berjenama Sony.
- A jam
B komputer
C radio
D gitar
15. Saya dan Samy belajar di _____ yang sama sejak dari tahun satu hingga kini.
- A dewan
B sekolah
C tadika
D balai
16. Adik saya menyertai pertandingan menulis _____ bagi kategori murid tujuh hingga sembilan tahun.
- A cerpen
B cerita
C skrip
D novel
17. _____ itu diminati kerana kelunakan suaranya apabila beliau mendendangkan lagu.
- A Penari
B Penyajak
C Penyair
D Penyanyi
18. Anggota rukun tetangga bertugas untuk menjaga _____ saya pada setiap malam.
- A pekan
B negeri
C kampung
D negara

Soalan 19 berdasarkan gambar 2



Gambar 2

19. Di dalam tin kosong itu terdapat banyak _____ kerana air bertakung.
- A jejentik C lelabah
B riang-riang D umang-umang

20. Saya telah mengirim sepucuk _____ kepadanya untuk bertanya khabar.

A kad
B kertas

C nota
D surat

2. KATA NAMA KHAS

KETERANGAN:

Kata Nama Khas ialah kata yang merujuk kepada nama sesuatu benda yang khusus dan ejaannya berpangkalkan huruf besar.

Kata Nama Khas ialah kata yang merujuk kepada nama sesuatu benda yang khusus dan ejaannya berpangkalkan huruf besar.

LATIHAN 2 : KATA NAMA KHAS

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. Pemenang program realiti TV 10 telah menerima sebuah kereta _____.
A Sony
B Nokia
C Gen 2
D Dell
2. Kes pembunuhan berprofil tinggi itu telah diketuai oleh _____.
A Mejar Amran
B Hakim Saljit Singh
C Inspektor Haris
D Peguam Bala
3. Jam tangan berjenama _____ telah dihadahi oleh Datuk Kamal kepada kepada anak kesayangannya.
A Pilot
B Rolex
C Darlie
D Satria
4. Pada hari minggu ayah membawa kami ke _____ untuk membeli belah.
A Pasar Raya Tesco
B Stesen KLIA
C Hotel Perdana
D Bangunan Petronas
5. Khazanah purba negara banyak tersimpan di _____.
A Masjid Negara
B Zoo Negara
C Taman Negara
D Muzium Negara
6. Murid-murid menghadahi guru-guru mereka pelbagai hadiah sempena sambutan _____ peringkat sekolah setiap tahun.
A Hari Ibu
B Hari Bapa
C Hari Guru
D Hari Pekerja

7. Tunku Abdul Rahman telah dianugerahi gelaran _____ .
- A Bapa Keamanan C Bapa Pemodenan
B Bapa Kemerdekaan D Bapa Perpaduan
8. Negeri _____ juga dikenali sebagai Negeri Jelapang Padi Malaysia.
- A Johor C Kelantan
B Pahang D Kedah
9. Orang ramai telah berkunjung ke _____ untuk melihat gerhana matahari yang berlaku baru-baru ini.
- A Bangunan KLCC C Planetarium Negara
B Menara Kuala Lumpur D Pusat Dagangan Dunia
10. Ramai pembesar negara hadir ke _____ untuk meraikan istiadat pertabalan Yang Dipertuan Agung.
- A Istana Negeri C Dewan Merdeka
B Istana Negara D Bangunan Parlimen
11. Hukuman gantung sampai mati telah dijatuhkan oleh _____ kepada pengedar dadah itu.
- A Peguam Kamal C Perdana Menteri
B Ketua Polis D Hakim Gopal Singam
12. Pameran Pertunjukkan Akrobatik Maritim Antarabangsa (LIMA) telah diadakan di _____.
- A Pulau Pinang C Pulau Pangkor
B Pulau Langkawi D Pulau Redang
13. Pesakit yang malang itu merayu orang ramai untuk mendapatkan derma bagi menjalani rawatan di _____ .
- A Institut Aminuddin Baki C Institut Pengajian Tinggi
B Institut Jantung Negara D Institut Perguruan
14. Seekor lembu peliharaan Pak Mail telah mati dibaham oleh _____ ketika meragut rumput di hujung kampung.
- A Sang Kancil C Sang Rangkak
B Pak Belang D Pak Bedal
15. Abang membawa kami ke _____ untuk menyaksikan tayangan filem hindustan.
- A Pusat Sivik C Dewan Pleno
B Pawagam Odeon D Taman Tasik

16. _____ merupakan seorang pahlawan Melayu Melaka yang tersohor pada zaman dahulu.
- A Tok Dalang C Hang Li Po
B Tok Selampit D Hang Tuah
17. Banyak rumah yang telah musnah akibat dilanda bencana _____ beberapa tahun yang lepas.
- A Chikungunya C Tsunami
B Malaria D Gerhana
18. Negeri Sarawak menjadi tuan rumah _____ peringkat kebangsaan .
- A Pesta Ria C Pesta Tani
B Pesta Air D Pesta Heboh
19. Pasukan Brazil telah memenangi Kejohanan Bola Sepak _____ yang berlangsung di Jerman .
- A Piala Emas C Piala Dunia
B Piala Agung D Piala Thomas
20. Kempen _____ sedang giat dijalankan untuk membentuk masyarakat penyayang.
- A Bahasa Jiwa Bangsa C Cintai Bahasa
B Budi Bahasa Budaya Kita D Sayangi Budi Bahasa Kita